

## **Rentetan peristiwa Tan Sri Abdul Rahim Noor mencederakan Datuk Seri Anwar Ibrahim**

**BH 1 MAY 2001**

● 20 September 1998 – Anwar ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana mengetuai perarakan haram yang didakwa mengancam ketenteraman awam di ibu kota.

● 27 September 1998 – Anwar membuat satu laporan polis di Balai Polis Tun H S Lee mengenai kecederaan terhadapnya ketika berada dalam lokap di Bukit Aman.

● 29 September 1998 – Anwar dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan rasuah dan salah laku seks. Dia mengadu kepada Hakim Hasnah Datuk Mohd Hashim bahawa dia dipukul dan dikasari polis, di samping menunjukkan mata kirinya yang lebam.

Satu pasukan penyiasat khas diketuai Ketua Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Asisten Komisioner II Mat Zin Ibrahim ditubuhkan untuk menyiasat aduan Anwar yang diklasifikasikan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan, iaitu kesalahan dengan sengaja menyebabkan kecederaan. Siasatan itu membabitkan rakaman pernyataan 67 saksi iaitu Anwar, tiga doktor yang merawatnya serta 63 orang polis.

● 19 November 1998 – Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah menerima laporan pasukan penyiasat khas itu dan memberitahu Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji dan meneliti laporan berkenaan.

● 4 Disember 1998 – Mohtar melantik seorang pakar perunding perubatan forensik Hospital Kuala Lumpur, Dr Abdul Rahman Yusof, bagi membantunya mengkaji laporan siasatan itu.

● 5 Januari 1999 – Mohtar mengesahkan kecederaan Anwar disebabkan perbuatan anggota polis. Bagaimanapun, siasatan itu gagal mengenal pasti siapa yang bertanggungjawab ke atas kecederaan itu.

Berikutan itu, Mohtar mengarahkan pasukan penyiasat itu menjalankan siasatan lanjut dan melengkapkannya dengan merakamkan keterangan sembilan pegawai kanan polis, termasuk Rahim dan lapan pegawai lain iaitu Timbalan Ketua Polis, Tan Sri Norian Mai; Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Datuk Mohd Ghazali Yacub; Pengarah Pengurusan, Datuk Jamil Johari; Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Yaacub Md Amin; Pengarah Cawangan Khas (SB), Datuk Mohd Yusof Abdul Rahman; Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Ali; Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Ramli Yusoff dan Komander Pasukan Gerak Khas, Datuk Meor Chek Hussein Mahayuddin.

● 7 Januari 1999 – Rahim meletakkan jawatan sebagai memikul tanggungjawab penuh atas kecederaan Anwar ketika dalam tahanan polis.

● 8 Januari 1999 – Anwar menyaman Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Abdul Rahim dan Kerajaan Malaysia berhubung kecederaannya ketika dalam tahanan polis.

● 27 Januari – Dr Mahathir mengumumkan penubuhan Suruhanjaya Diraja menyiasat kecederaan Anwar. Suruhanjaya diketuai bekas Hakim Besar Malaya, Tan Sri Anuar Zainal Abidin; bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Mahadev Shankar dan Pakar Ortopedik, Datuk Yeoh Poh Hong. Bekas Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib Othman bertindak sebagai Ketua Penyiasat.

● 22 Februari – Suruhanjaya Diraja memulakan siasatan dengan memanggil 21 saksi termasuk Anwar dan Abdul Rahim.

● 28 Februari – Abdul Rahim melalui peguambelanya, Teh Poh Teik mengaku memukul Anwar di depan Suruhanjaya Diraja, hari ke-4 siasatan.

● 2 Mac – Abdul Rahim mengaku memukul Anwar ketika memberi keterangan di depan Suruhanjaya Diraja.

● 4 Mac – Suruhanjaya Diraja selesai menjalankan siasatan.

● 7 April – Suruhanjaya Diraja mengemukakan dua laporan kepada Yang di-Pertuan Agong, iaitu laporan nota keterangan setebal 404 halaman serta laporan dan cadangan setebal 92 muka surat.

● 15 April – Kabinet memutuskan untuk menyerahkan laporan itu kepada Peguam Negara dengan segera untuk tindakan lanjut.

● 22 April – Abdul Rahim dihadapkan ke Mahkamah Sesyen dan dia tidak mengaku bersalah di depan Hakim Hamdan Indah atas tuduhan mengikut Seksyen 325 Kanun Keseksaan menyebabkan kecederaan terhadap Anwar.

● 26 April – Sebutan kes depan Hakim Mahkamah Sesyen, Akhtar Tahir.

● 14 Mac 2000 – Abdul Rahim mengaku salah atas tuduhan pindaan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

● 15 Mac – Akhtar jatuhkan hukuman penjara dua bulan dan denda RM2,000 terhadap Abdul Rahim. Bagaimanapun, dia dibebaskan dengan ikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin.

● 15 Disember – Mahkamah Tinggi menolak rayuan hukuman penjara dua bulan tetapi ketepikan denda RM2,000.

● 30 April 2001 – Mahkamah Rayuan tolak rayuan dan mengenakan semula hukuman denda RM2,000. Abdul Rahim mula menjalani hukuman penjara di Penjara Kajang.